

-  Solat meningkatkan darjat dan martabat seseorang bukan sahaja di sisi Allah SWT tetapi juga dalam kalangan manusia.
-  Solat memberikan cahaya (nur) pada Hari Pembalasan.
-  Solat memberikan keampunan dan kerahmatan.
-  Solat menutup pintu kekufuran.
-  Solat dapat meringankan hisab dan memberatkan timbangan di Hari Akhirat.
-  Solat membersihkan jasmani dan rohani.
-  Solat membuka pintu rezeki.
-  Solat menjadi anak kunci ke syurga.
-  Solat menjadi jalan jihad yang terbaik untuk mendapat kecintaan dan kemuliaan daripada Allah SWT.
-  Solat dapat menolak bala dan bencana.
-  Solat memakbulkan doa dan permohonan.
-  Solat dapat menghindarkan gangguan dan godaan syaitan.
-  Solat dapat melahirkan ihsan dan menarik pertolongan Allah SWT.
-  Solat menjadi asas dan lambang keyakinan serta kepercayaan kepada Allah SWT sebagaimana yang terkandung dalam kalimah syahadah.

“ Sesungguhnya Penolong kamu hanyalah Allah, dan RasulNya, serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang, dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah).  
**(Surah Al-Maidah: 55)**

Teks oleh : Ann Wan Seng



Diterbitkan oleh  
**YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA**  
 Ara 4, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya  
 No. 3, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3  
 62100 Putrajaya  
 Tel.: +6(03)-88703870  
 Faks.: +6(03)-88703871  
[www.yadim.com.my](http://www.yadim.com.my)

**YADIM**

yadimofficial  YAYASAN DAKWAH  
 ISLAMIAH MALAYSIA  
 yadim    
[www.yadim.com.my](http://www.yadim.com.my)

 [buku.yadim.com.my](http://buku.yadim.com.my)  
 Kedai Buku YADIM

# KEPENTINGAN SOLAT



“ Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan solat dan hendaklah engkau bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, Kamilah yang memberi rezeki kepadamu, dan kesudahan yang baik adalah bagi orang yang bertakwa.  
**(Surah Taha: 132)**



Dengan Nama Allah  
Yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang



Solat merupakan salah satu ibadat yang diwajibkan ke atas Islam yang mukalaf. Solat dilaksanakan setiap hari bermula dari waktu Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.



Solat bererti beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan niat dan takbiratulihram dan disudahi dengan ucapan salam. Solat merupakan tonggak dan tiang kepada agama yang menjadi tali penghubung antara manusia dengan Allah SWT.



Ibadah solat perlu dilaksanakan sebaik mungkin dengan mencontohi amalan solat yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW. Dalam solat, seluruh perhatian adalah kepada Allah SWT dengan menghayati setiap bacaan dan rukunnya. Penghayatan dalam solat adalah penting supaya ibadah ini dapat dilaksanakan dengan khusyuk.

Solat yang khusyuk akan melahirkan perasaan cinta kepada Allah SWT untuk melaksanakan semua perintah-Nya dan menjauhi setiap larangan-Nya. Hubungan manusia dengan Allah SWT dinamakan sebagai 'habluminallah'.

Ibadah solat adalah penting dalam kehidupan umat Islam untuk melahirkan sifat kehambaan dan menzhirkan pengabdian kepada Allah SWT.

Solat bukan sahaja menjadi syarat iman dan amal diterima Allah SWT. Solat yang sempurna amat mengesankan dan mempunyai kepentingan dalam kehidupan seorang Muslim :



**Solat dapat mencegah perbuatan yang keji dan mungkar.**



**Solat membuka peluang menggandakan pahala.**



**Solat menyediakan ruang kepada penghapusan dosa.**



**Solat adalah pernyataan syukur kepada nikmat daripada oleh Allah SWT.**



**Solat menjauhkan kemurkaan Allah SWT.**



**Solat merupakan sumber ketenangan dan ketenteraman.**



**Solat memberikan kerehatan kepada fiziran, jiwa dan jasad.**



**Solat menjanjikan kemenangan dan keselamatan.**



**Solat dapat membentuk keperibadian yang kukuh dan mulia.**



**Solat menjadi asas kepada kekuatan ummah dan kesatuan umat.**



**Solat dapat melahirkan kemerdekaan yang sejati.**



**Solat membentuk disiplin diri.**



**Solat dapat menghidupkan semula hati yang sudah mati.**



**Solat dapat memberikan kecerdasan dan meningkatkan tahap kesihatan.**



**Solat meningkatkan penghayatan terhadap ajaran Islam.**